

15/02/2003

Malaysia tetap teruskan projek jambatan baru

Othman Mamat; Ahmad Ghazali Musa

JOHOR BAHRU: Malaysia akan meneruskan pembinaan sebuah jambatan bergerak setinggi kira-kira 25 meter bagi menggantikan Tambak Johor di sebelah negara ini walaupun tanpa kerjasama Singapura.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, rancangan pembinaan jambatan yang bentuknya agak unik itu sudah dimaklumkan kepada Menteri Kanan Singapura, Lee Kuan Yew pada satu perbincangan empat mata antara mereka tidak lama dulu.

Perdana Menteri berkata, beliau menunjukkan peta dan pelan cadangan projek pembinaan Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) baru serta

lukisan rupa bentuk jambatan itu kepada Lee.

Katanya, beliau lega dan yakin projek itu mendapat kerjasama Singapura, apabila Lee menyatakan kekagumannya terhadap cadangan pembinaan jambatan menggantikan Tambak Johor.

Bagaimanapun, dalam pertemuan mereka berikutnya, Lee memberitahu bahawa

Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong tidak bersetuju dengan cadangan merobohkan Tambak Johor kerana beliau (Goh) mempunyai nostalgia terhadap tambak berkenaan.

Berucap pada majlis muhibah bersama rakyat sempena upacara pecah tanah projek Gerbang Selatan Bersepadu (GSB) dan projek perumahan rakyat di Bukit Chagar, di sini semalam, Dr Mahathir berkata, Lee, pada pertemuan berikutnya, mencadangkan jambatan menggantikan Tambak Johor itu dibina selepas Goh bersara.

"Cerita ini saya tidak cerita kepada orang dan tidak ada sesiapa pun yang tahu sehingga hari ini. Tetapi saya terpaksa cerita kerana segala surat saya (kepada kerajaan Singapura) sudah didedahkan.

"Saya kenalah cerita yang sebenar supaya jangan orang kata... tengoklah

Malaysia, hendak buat jambatan sebelah dia (Malaysia) saja, tidak mahu kerjasama dengan Singapura.

"Saya kata dengan ikhlas, demi Allah, ini yang dia kata kepada saya... saya tidak bohong. Dia (Lee) kata tunggulah kita buat jambatan ini selepas

Goh Chok Tong bersara dan tidak ada lagi bantahan nostalgia daripada Goh Chok Tong," katanya disambut gelak ketawa ribuan hadirin.

Projek GSB di Tanjung Puteri di sini, yang merangkumi kompleks CIQ, jambatan bergerak setinggi 25 meter dan rangkaian jalan dihubungkan terus

dengan Lebuhraya Utara-Selatan, Ia dimajukan oleh Gerbang Perdana Sdn Bhd.

Majlis itu dihadiri hampir 10,000 penduduk termasuk penghuni 2,600 unit

rumah di Flet Bukit Chagar dan Lumba Kuda yang bakal dipindahkan untuk memberi laluan kepada projek GSB.

Turut hadir ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman dan isteri, Datin Prof Dr Jamilah

Ariffin;

Pengerusi Barisan Nasional (BN) Johor Bahru, Datuk Shahrir Samad dan Pengerusi Gerbang Perdana Sdn Bhd, Tan Sri Razali Ismail.

Dr Mahathir berkata, Malaysia tidak boleh menunggu lama dan terpaksa membina jambatan itu di sebelah Johor berikutan jumlah kenderaan menggunakan Tambak Johor kini semakin meningkat walaupun Laluan Kedua Malaysia-Singapura (Linkedua) dibina sebagai laluan alternatif bagi menghubungkan kedua-dua negara.

Katanya, jambatan baru itu mempunyai reka bentuk agak pelik kerana ia, yang sepatutnya dibina lurus, terpaksa dilencongkan sedikit bagi membolehkan kenderaan melaluinya tanpa masalah memandangkan jarak Tambak Johor di sebelah Johor agak pendek.

Dengan terbinanya jambatan baru itu, air di Selat Tebrau yang tersekat sejak wujudnya Tambak Johor hampir 80 tahun lalu, dapat dialirkan ke sebelah timur dan barat, selain membenarkan air dari Selat Melaka mengalir dengan bebas secara semula jadi.

Perdana Menteri berkata, tidak timbul soal Malaysia berniat buruk terhadap Singapura dan dengan pendedahan itu, beliau berharap rakyat republik itu tidak membuat andaian negara ini sengaja tidak mahu bekerjasama dengan Singapura.

"Kita tidak mahu menimbulkan apa-apa perasaan (tidak baik) kepada sahabat kita di Singapura," katanya.